

Malaysia, Bangla kecam serangan Vietnam

DHAKA, Rabu — Malaysia dan Bangladesh hari ini mengecam serangan Vietnam ke atas pusat-pusat orang pelarian Khmer di sepanjang sempadan Khmer-Thai dan pencabulan Vietnam ke dalam wilayah Thai.

Kedua-dua negara menyeru masyarakat antarabangsa supaya mendesak Vietnam agar menghentikan dengan serta-merta permusuhan mereka di sempadan itu dan mengundurkan tentera mereka dari Kampuchea.

Mereka menekankan bahawa tindakan ketenteraan Vietnam di sepanjang sempadan Thai-Kampuchea itu mendatangkan ancaman yang pertempuran akan merebak ke dalam negeri Thai dan dengan itu membahayakan keamanan dan kestabilan di rantau itu pada keseluruhannya.

Satu pernyataan yang dikeluarkan di akhir lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke Bangladesh menyatakan kekhawatiran yang keadaan itu akan berterusan selagi Vietnam terus menduduki Kampuchea secara haram.

Sokongan

Dalam pernyataan yang mengandungi 30 perkara itu, pemimpin kedua-dua negara sekali lagi menegaskan sokongan mereka kepada pengwujudan kawasan aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara dan menyeru supaya diselesaikan segera masalah Kampuchea itu.

Pernyataan itu berkata, lawatan Perdana Menteri itu menegaskan lagi hasrat untuk meluaskan bidang kerjasama antara kedua negara yang bersetuju menyejajarkan pelaksanaan per-

janjian kerjasama ekonomi dan teknik Bangladesh-Malaysia.

Usaha-usaha selanjutnya akan dibuat untuk meningkatkan lagi kerjasama dua hala dalam bidang pelajaran, kebudayaan, agama, tenaga manusia, pertanian, perindustrian, perdagangan, pelaburan, kerjasama teknik dan usahasama.

Pernyataan itu menambah, penandatanganan perjanjian mengenai perkapalan dan perjanjian mengelak cukai berganda adalah satu lagi langkah positif ke arah itu.

Mengenai keadaan ekonomi dunia yang semakin buruk, kedua negara menekankan pentingnya negara-negara sedang membangun segera mencari bentuk-bentuk baru kerjasama dalam semangat dialog Selatan-Selatan.

Segala usaha hendaklah dibuat ke arah melancarkan perbincangan-perbincangan seluruh dunia. Masalah Dunia Ketiga tidak boleh diselesaikan secara berasingan atau menunggu sehingga peraturan ekonomi antarabangsa yang baru diwujudkan.

Pernyataan itu berkata, Ketua Pentadbir Undang-Undang Tentera Bangladesh, Lt. Jen H.M. Ershad, berterima kasih kepada Malaysia atas tawaran bantuan di bawah rancangan kerjasama teknik Malaysia dan mengalu-alukan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa.

Pernyataan itu juga antara lain menyentuh soal:

● Kawasan aman Lautan Hindi - sambil menekankan sekali lagi sokongan perisytiharan Bangsa-Bangsa Bersatu 1971, kedua-dua negara berazam untuk berusaha menjayakan persidangan